

BAB 4

PROSES PEMBUDAYAAN DI PERINGKAT BUDAK

4.1 Pendahuluan

Beberapa peringkat hidup dilalui oleh setiap individu dalam lingkaran hidupnya. Peringkat hidup atau pengukuran umur dalam masyarakat Melayu di Pulau Tuba tidak berdasarkan ukuran tahun, bulan, minggu atau hari. Dari satu segi, peringkat hidup memberi gambaran tentang umur seseorang. Dalam masyarakat yang dikaji, ukuran hari, bulan dan tahun hanya digunakan semasa tahap awal kelahiran anak. Selepas tempoh tersebut, perjalanan hidup diukur berdasarkan peringkat pencapaian anak, seperti pandai merangkak, pandai bercakap atau pandai berjalan. Kiraan hari juga digunakan untuk merujuk kepada tempoh seseorang meninggal dunia, misalnya hari ketiga, hari ketujuh, hari ke-40 atau hari ke-100. Berdasarkan kajian yang dilakukan di Pulau Tuba, didapati ulang tahun kelahiran tidak pernah diraikan, malah tarikh lahir setiap anggota keluarga tidak pernah diketahui dengan tepat. Peringkat hidup orang Melayu diukur berdasarkan kepada sifat-sifat fisiologi dan sosial, iaitu keupayaan fizikal dan peranannya dalam kehidupan sosial. Firth (1990) menggunakan tingkat ekonomi untuk

mengkategorikan peringkat hidup orang Melayu.¹ Kriteria tingkat ekonomi menimbulkan kesukaran untuk mengukur peringkat hidup wanita Melayu kerana perubahan ekonomi di kalangan mereka tidak begitu pasti. Oleh itu, kriteria sosial digunakan untuk melihat peringkat hidup orang Melayu. Dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba, peringkat hidup diukur melalui simbol dan petunjuk sosial yang digambarkan menerusi perubahan sosial dan keupayaan individu untuk berinteraksi dan memainkan peranan sosial dalam lingkungan dan status sosial seperti mana yang dijangkakan oleh masyarakat.

Kedudukan seseorang dengan seorang yang lain adalah berbeza, oleh itu interaksi juga berdasarkan kepada perbezaan status. Seseorang itu dikehendaki menyesuaikan peranan masing-masing apabila berhadapan dengan berbagai kelompok dan golongan dalam masyarakat. Dalam proses lingkaran hidup, seseorang secara bertahap mengambil alih beberapa set perhubungan baru dalam masyarakat. Tingkat perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam kehidupan

¹ Tanpa memperhitungkan umur sebenar setiap individu, orang itu masih boleh diletakkan dalam skim ekonomi yang luas iaitu:

- i) Orang muda yang masih ditanggung (kanak-kanak).
- ii) Peserta kerja yang remaja (remaja).
- iii) Ahli kerja penuh (dewasa).
- iv) Orang yang keupayaan kerjanya telah menurun. (orang tua)

(Firth; 1990: 89-90)

individu melibatkan perubahan dalam peranan sosialnya. Norma sosial yang berbeza diterima dalam peringkat-peringkat tersebut.

Melalui proses pembudayaan, individu belajar mengambil bahagian, bergaul dan bercampur dengan lingkungan sosial dan situasi sosial yang berbeza. Secara beransur-ansur individu terlibat dalam interaksi sosial dalam lingkungan keluarga, adik beradik, masyarakat kampung yang rapat dan keseluruhan masyarakat kampung.

Berdasarkan kriteria petunjuk sosial, peringkat hidup utama dalam lingkaran hidup orang Melayu di Pulau Tuba dapat dikelaskan kepada tiga tingkat sosial iaitu:

- i) Peringkat **budak**, termasuklah bayi dan kanak-kanak.
- ii) Peringkat **anak bujang** atau remaja dan sering juga dirujuk sebagai anak teruna untuk lelaki dan anak dara bagi perempuan, dan
- iii) Peringkat **orang tua** termasuklah orang dewasa dan orang yang telah tua.

Bab ini menghuraikan peringkat perkembangan dan perubahan sosial yang berlaku pada peringkat budak.

Perbincangan meliputi norma masyarakat yang diterima oleh individu pada peringkat ini dalam situasi interaksi yang berbeza seperti hubungan dengan ibu bapa, hubungan dengan saudara kandung, hubungan dengan saudara mara dan hubungan dengan masyarakat. Turut dibincangkan ialah peranan keluarga dalam mengorientasikan tingkah laku anak-anak dengan tuntutan masyarakat, iaitu melibatkan aspek kepatuhan, kemanjaan, kawalan dan hukuman.

4.2 Peringkat Perkembangan Sosial (Budak)

Peringkat budak bermula daripada kelahiran sehingga menjangkau tahap baligh. Tahap bayi (budak baru beranak) dan tahap kanak-kanak (budak-budak), boleh dimasukkan pada peringkat yang sama, tetapi terdapat perbezaan, pada tahap bayi seorang anak dianggap tidak mengetahui tentang pergolakan hidup di sekelilingnya. Kanak-kanak pula adalah satu tahap di mana seorang anak sudah pandai bercakap dan memahami segala bentuk arahan yang dikenakan kepada mereka. Pada peringkat budak, anak berada di bawah perhatian, kawalan, jagaan, perlindungan dan tanggungan keluarga. Anak dilahirkan sebagai manusia yang tidak berkeupayaan dan sentiasa mengharap dan memerlukan pertolongan serta perlindungan daripada keluarga dalam semua aspek kehidupan. Keseluruhan kehidupan harian anak sama ada untuk tujuan sosial,

kemesraan dan fisiologi diatur oleh keluarga. Keluarga bertanggung jawab mengendalikan hal-hal berkaitan makan minum anak, pakaian, kesihatan, kebajikan, persekolahan dan didikan. Dalam proses pembudayaan, keluarga berperanan memberi pertolongan ke arah mencapai tahap kematangan sosial dan fizikal anak.

Anak yang baru dilahirkan (budak baru beranak) berada di bawah kawalan ibu. Malah, sebelum seorang anak boleh berjalan dengan betul, ibu dan saudara perempuan adalah orang yang penting dalam kehidupan anak. Tidak semua anggota keluarga mampu mengendalikan anak yang keadaan fizikalnya masih lembik, kecuali ibu dan kaum wanita yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hal ehwal penjagaan anak. Kesedaran tentang pemisahan tugas dalam keluarga mengurangkan penglibatan suami atau bapa dengan anak. Hal yang berkaitan penjagaan anak adalah "kerja orang perempuan". Hubungan suami atau bapa tidak lebih daripada hanya bermain dengan anak. Dalam hal ini, penglibatan suami di dalam keluarga hanya bersifat bantuan (supplementary) bukannya tanggung jawab (obligatory). Mereka hanya diminta membantu untuk menjaga anak (tolong tengok anak) ketika isteri melakukan tugas-tugas di dapur. Daripada pemerhatian yang dilakukan di kawasan kajian, didapati bantuan yang diberikan oleh suami dalam penjagaan anak semakin

berkurangan apabila dalam keluarga tersebut terdapat anak yang mampu mengambil alih tugas tersebut. Oleh sebab itu, bantuan paling banyak diberikan oleh suami ketika mendapat anak pertama. Suami tidak sentiasa berada di rumah, tidak begitu rapat dengan anak yang masih kecil dan tidak harus menguruskan segala-galanya dalam rumah dengan teliti dan terperinci seperti kaum wanita. Suami atau bapa hanya membawa anak bersiar-siar terutama apabila dia keluar untuk berjumpa kawan-kawannya apabila anak sudah boleh berjalan.

Penjagaan dan kawalan ke atas anak banyak dijalankan oleh kaum wanita, sama ada ibu, nenek, ibu saudara atau anak perempuan yang sudah besar. Kesemua ibu Melayu di tempat kajian menjaga anak mereka sendiri, tetapi biasanya ketika dalam tempoh berpantang ibu atau ibu mertua beliau datang membantu, terutama semasa mendapat anak pertama. Ramai ibu Melayu di Pulau Tuba tidak bekerja, malah menumpukan sepenuh masa dalam tugas-tugas di rumah yang banyak dari pagi hingga malam. Bagi ibu Melayu yang bekerja sama ada, mengikut suami ke laut atau menoreh getah, mereka akan berhenti daripada melakukan tugas-tugas tersebut untuk jangka masa tertentu sehingga anak berhenti menyusu atau lebih lama daripada itu.

Contoh kes:

Kiah, tidak lagi mengikut suaminya turun ke laut setelah beranak kecil. Ketika ditemui, anaknya sudah berusia dua tahun, tetapi beliau masih belum berhasrat untuk mengikut suaminya pergi ke laut semula kerana perlu menumpukan tugas di rumah. Beliau hanya melakukan kerja yang tidak memerlukannya meninggalkan rumah seperti mengambil upah membuat pukat dan tikar mengkuang.

Lazimnya ibu atau ibu mertua datang menjengok dan membantu hampir setiap hari tetapi bagi ibu yang tinggal di luar Pulau Tuba, mereka datang menetap sehingga tamat tempoh berpantang. Kadang kala ibu atau ibu mertua bergilir-gilir menjaga. Tugas seorang nenek ialah membantu dan mengawasi dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibu dan anak yang baru dilahirkan, seperti memandikan budak, membedong dan memastikan keadaan kesihatan ibu dan anak berada ditahap yang memuaskan. Sementara tugas-tugas di rumah (kerja dapur) seperti memasak, membasuh dan mengemas rumah tetap dijalankan oleh ibu yang baru bersalin, bergantung kepada keadaan kesihatannya. Bagi keluarga yang mempunyai anak perempuan yang sudah besar, mereka menyerahkan tugas ini kepada anak perempuan itu. Sementara tugas-tugas berat seperti mengangkat air dilakukan oleh suami atau anak lelaki yang sudah besar.

Sebagai orang yang telah meningkat usia, nenek mempunyai pengaruh yang kuat dan berkesan ke atas anak mereka terutama dalam hal yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan amalan upacara yang berkaitan dengan kesihatan. Mereka bertindak memastikan setiap petua, pantang larang dan amalan upacara dipatuhi dan dijalankan secara berkesan dan teratur. Kadang kala ibu Melayu tidak berkuasa langsung untuk membuat keputusan tentang kesihatan diri mereka kerana pengaruh kuat daripada orang tua. Sering kali anggota keluarga yang telah meningkat usia lebih berkuasa meskipun daripada lelaki kerana mereka lebih mengambil berat dan mengetahui selok belok tentang hal-hal yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan, amalan dan upacara yang melibatkan perempuan bersalin dan anak kecil.

Pada tahap ini, anak belum berkeupayaan untuk menerima didikan kerana masih belum berakal, iaitu tidak mengerti dan memahami sesuatu. Anak hanya mampu melakukan pergerakan dan manipulasi ke atas anggota tubuh badannya sahaja. Keupayaan anak hanyalah menangis dan ketawa terhadap rangsangan persekitaran seperti rasa sejuk, panas, sakit, lapar, mengantuk atau suka. Menangis dan ketawa adalah isyarat sosial utama untuk berkomunikasi dengan orang di sekelilingnya.

Aspek yang dipentingkan pada tahap ini ialah perlindungan emosi dan fisiologi. Anak mudah terdedah dengan gangguan penyakit. Menangis dikaitkan dengan ketidak selesaan emosi. Tangisan menjadi bahasa emosi (emotional language). Jangka masa dan kekuatan tangisan menentukan darjah ketidak selesaan. Menangis berlarutan dengan nada yang kuat adalah tanda-tanda gangguan kesihatan, berbanding menangis kerana lapar atau mengantuk. Gangguan kesihatan disebabkan oleh faktor neutral atau gangguan kuasa jahat.

Penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal ialah seperti demam, selsema, batuk, kembong perut atau ruam panas. Penyakit yang biasa dikaitkan berpunca daripada gangguan kuasa jahat ialah sawan atau penyakit tarik. Penyakit tarik dipercayai disebabkan oleh makhluk halus atau "terkena". Orang Melayu di Pulau Tuba mempercayai bahawa anak yang masih kecil semangatnya² adalah lemah. Oleh itu, anak kecil mudah diganggu atau dirasuk oleh hantu dan syaitan. Kesan daripada gangguan kuasa jahat ini, menyebabkan tahap kesihatan anak terganggu. Untuk mengelakkan anak daripada dirasuk hantu atau syaitan ialah dengan meletakkan benda-benda

² Kepercayaan orang Melayu tentang kuasa utama atau sumber kekuatan yang menggerakkan manusia, haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa. Lihat K.M. Endicott, *An Analysis of Malay Magic*, 1991.

tajam seperti duri, mengkuang atau ikan puyu di muka pintu. Ibu, terutamanya yang masih dalam tempoh berpantang, sentiasa membawa benda tajam seperti paku setiap kali keluar daripada rumah dan rambutnya disanggul tinggi atau disiput dan dicucuk dengan paku untuk mencegah hantu atau syaitan dari datang menghampirinya. Ibu yang masih dalam tempoh berpantang juga dilarang menghampiri kawasan-kawasan tertentu atau lalu di bawah pokok-pokok tertentu yang dianggap keras, iaitu tempat yang dipercayai didiami oleh hantu dan syaitan (ada hantu), malah mereka juga dilarang keluar dari kawasan kampung kediaman. Setiap anggota keluarga yang hendak masuk ke dalam rumah dipastikan menunggu beberapa minit sebelum masuk, ditakuti hantu dan syaitan datang bersama-sama mereka (menumpang). Di samping itu, masyarakat Melayu Pulau Tuba juga mempercayai bahawa rumah yang mempunyai anak yang baru dilahirkan perlu dielak daripada dilawati ketika waktu maghrib iaitu waktu peralihan dari siang kepada malam kerana dikhuatiri hantu dan syaitan "menumpang" mereka.

Kaedah pemulihan dipilih berdasarkan punca penyakit. Penyakit yang berpunca daripada faktor fizikal biasanya menggunakan ramuan yang diperbuat daripada benda atau tumbuhan tertentu bergantung kepada jenis penyakit. Ramuan ini biasanya untuk disapu atau dimandi. Ramuan-

ramuan ini disediakan oleh orang yang tua dalam sesbuah keluarga kerana mereka mengetahui rahsia dan petua tentang penyakit dan kaedah pemulihannya. Tetapi, sekiranya mereka tidak dapat mengubatinya, anak atau menantu lelaki disuruh berjumpa bomoh³ untuk mengambil ubat. Khidmat bomoh sekali lagi digunakan sekiranya punca penyakit tidak dapat dikesan. Sementara untuk penyakit yang dipercayai berpunca daripada gangguan hantu dan syaitan, tangkal, jampi dan air penawar digunakan. Tangkal biasanya diperbuat daripada benang hitam atau kertas yang dibungkus dengan kain kuning atau hitam yang telah siap dijampi dan kemudianya dipakaikan sama ada di pergelangan tangan, leher, pinggang atau di pergelangan kaki. Tangkal ini bertujuan mengelakkan penyakit atau menghindarkan rasukan hantu. Kadang kala tangkal juga dipakai untuk menghindarkan penyakit yang berpunca daripada faktor fizikal seperti penyakit cacing. Semasa di tempat kajian saya sering melihat anak kecil malah anak yang telah bersekolah terutamanya lelaki memakai tangkal berwarna hitam di bahagian leher atau pinggang mereka.

³ Untuk tujuan pengubatan, biasanya dibawa sirih pinang ketika hendak berjumpa bomoh. Sirih dan pinang ini bertujuan untuk mengetahui punca penyakit dan juga untuk dijampi sebagai ubat, sama ada untuk dimakan atau disapu. Bomoh biasanya hanya memberitahu bahan-bahan yang diperlukan sebagai ramuan dan teknik pemulihan juga disyorkan oleh bomoh tanpa perlu menghadirkan diri di rumah pesakit. Bahan-bahan ini perlu dicari dan kaedah yang disyorkan perlu diamalkan.

Ibu Melayu di tempat kajian membedong anak mereka dengan kain pada keseluruhan anggota badan kecuali di bahagian muka. Bedong bertujuan mengelakkan anak daripada melakukam pergerakan bebas yang banyak yang boleh mengakibatkan kecederaan seperti menggaru bahagian muka atau anggota badan yang lain. Membedong juga dapat mengelakkan kaki daripada menjadi pengkar⁴ dan memastikan anak tidak mudah terperanjat dengan kejutan bunyi yang kuat yang boleh melemahkan semangat anak.

Daripada kajian yang dilakukan, didapati kesemua ibu Melayu yang tidak menghadapi masalah kesihatan menyusukan anak dengan susu badan. Susu ibu adalah sumber makanan utama terutama pada tempoh enam bulan pertama. Selepas tempoh itu anak mula diberi makanan lain yang lebih keras seperti nasi lembek (moi) atau ubi kentang yang siap dilenyek dan dicampur kicap, daun bayam atau daun asin-asin. Menyusu anak (bagi tek) tidak mengira tempat dan masa. Anak diberi susu apabila menangis atau ketika tetek dipenuhi susu (tek cang). Jika berada di rumah, biasanya ibu menyusukan anak secara tidur mengiring atau secara meriba dan seringkali mengubah hisapan anak sama ada ke sebelah tetek kanan

⁴ Keadaan pada bahagian betis yang bengkok sama ada bengkok ke luar atau ke dalam. Kesannya paling ketara apabila seseorang itu berjalan.

atau kiri. Semasa di khalayak ramai, ibu sering kali dilihat menyingkap baju jika hendak menyusukan anak. Perbuatan ini tidak menjadi sesuatu yang memalukan kerana perempuan yang telah bersuami (berlaki) dan mempunyai anak lebih bebas bergaul dengan masyarakat dan perbuatan mereka tidak menimbulkan prasangka buruk masyarakat berbanding perempuan yang belum berkahwin.

Anak biasanya dihentikan menyusu menjelang usia dua tahun. Walau bagaimanapun, ada di antara ibu Melayu di tempat kajian menghentikan anak mereka daripada menyusu lebih awal daripada itu atas sebab-sebab tertentu seperti pengambilan pil perancang keluarga, selepas tempoh berpantang atau melahirkan anak lagi. Seorang ibu memberitahu saya bahawa dia mengambil pil perancang sebagai satu kaedah untuk menjarakkan kelahiran. Pengambilan pil perancang mengakibatkan teteknya tiada susu selepas 45 hari pengambilannya. Ibu yang melahirkan anak lagi memberitahu bahawa mereka tidak berdaya menyusukan kedua-dua orang anak sekali gus. Walaupun kesemua ibu menyusukan anak dengan susu badan, susu tepung atau minuman lain yang diisi ke dalam botol atau puting kosong yang diperbuat daripada bahan getah turut diberikan sebagai minuman sampingan atau pengganti susu ibu. Ini bertujuan memudahkan ibu meninggalkan anak kepada anggota keluarga yang lain di masa-masa tertentu

dan sekurang-kurangnya mengurangkan beban menyusu anak yang meningkat besar yang memerlukan kadar hisapan yang lebih kerap dalam jangka masa yang lebih lama.

Anak yang diceraikan daripada menyusu sudah boleh ditinggalkan jika ibu hendak ke mana-mana, sama ada kepada anak yang lebih besar, ayah, datuk, nenek atau adik beradik yang tinggal berhampiran. Tetapi sekiranya tiada orang yang menjaga (orang mengasuh), ibu masih membawa anak ke mana saja mereka pergi. Pada tahap awal, sebelum meninggalkan anak, ibu terlebih dahulu menidurkan anak kerana anak orang Melayu di tempat kajian sukar untuk berenggang dengan ibunya. Anak akan menangis dan mencari ibu apabila ibunya tidak kelihatan terutama selepas terjaga dari tidur. Kadang kala sukar bagi ibu untuk menjalankan tugas di dapur kerana setiap kali bergerak anak pasti mahu mengikut dan tidak mahu berenggang.

Apabila anak mulai tumbuh gigi, puting tetek sering kali digigit kerana anak dikatakan mengalami gatal gusi.⁵ Ibu akan melucutkan hisapan anak dan kadang kala menampar bahagian punggung anak sebagai reaksi terhadap perbuatan yang menyakitkan itu. Perbuatan menggigit puting tetek menyebabkan ibu mulai berusaha menghentikan

⁵ Fenomena yang berlaku ketika gigi hampir menjulur menembusi gusi.

anak daripada menetek. Anak dihentikan menetek (lah tek) dengan menggunakan bahan-bahan berperasa pahit seperti akar seruntun atau gambir. Bahan ini disapu pada bahagian puting tetek dan tidak menyelerakan jika anak menghisapnya. Anak yang mengalami pengalaman ini beberapa kali akan serik untuk menetek lagi. Kaedah ini digunakan secara meluas di tempat kajian kerana diakui oleh ibu-ibu sebagai paling berkesan. Selain daripada kaedah tersebut, ada di antara ibu yang membohongi anak mereka dengan mangatakan tetek mereka berdarah dan sakit dengan meletakkan pewarna merah (pencelup) di sekeliling puting tetek.

Kebanyakan jangka waktu sehari-an anak dihabiskan untuk tidur. Anak orang Melayu di tempat kajian, tidur di dalam buaian atau ndoi,⁶ iaitu tempat tidur utama bagi anak kecil. Anak yang tidur di ribaan ibu semasa disusui akan dipindahkan ke dalam buaian. Buaian sentiasa dihayun sehingga anak terlena dan apabila anak terjaga, buaian dihenjut supaya anak dapat lena semula. Ibu sentiasa mahu menidurkan anak mereka (bagi tidur) supaya dapat menjalankan tugas sehari-an. Sebarang gangguan bunyi dielakkan supaya tidur anak tidak

⁶ Ndoi biasanya diperbuat daripada kain batik yang disangkut pada sebatang kayu yang digantung menggunakan dua utas tali yang diikat pada bahagian alang rumah.

terganggu. Anak yang tidak puas lenanya sering kali menangis dan merengek.

Proses pertumbuhan dan pembesaran seorang anak berlaku secara bertahap. Anak akan pandai meniarap, menyulur, merangkak, duduk, berdiri dengan penyokong, berdiri dan berjalan jatuh (tak teh). Pada tahap ini, anak dilihat tidak lagi berada dalam tumpuan ibu semata-mata kerana anak yang sudah boleh merangkak dan seterusnya berjalan jatuh (tak teh) memerlukan pengawasan yang lebih. Pergerakan anak diawasi oleh anggota keluarga yang lain untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini terutamanya kecederaan fizikal. Barang-barang yang berguna dan barang-barang yang merbahaya tidak dibiarkan bersepeh atau di tempat yang mudah dicapai oleh anak. Semasa membuat kunjungan ke rumah responden yang mempunyai anak kecil, saya melihat mereka meletakkan barang-barang yang berguna seperti pakaian, di tempat yang tinggi sama ada di atas para-para atau rak yang digantung supaya tidak mudah dicapai oleh anak. Sementara di bahagian pintu rumah, diletakkan adan⁷ untuk mengelakkan anak daripada terjatuh ke tanah (jatuh tangga).

⁷ Adan ialah penghalang seperti pagar yang diperbuat daripada kayu dan boleh dipasang atau ditanggalkan di masa yang diperlukan.

Komunikasi anak di dalam keluarga melibatkan keseluruhan anggota keluarga terdiri daripada ibu bapa dan saudara sedarah bagi keluarga asas dan datuk, nenek, sepupu, emak saudara, bapa saudara dan lain-lain adik beradik bagi keluarga bentuk luas. Pada tahap ini, manifestasi kasih sayang paling banyak dikesan. Anak sentiasa diacan,⁸ dibelai, dipeluk, dicium, didukung, dan sentiasa menjadi pusat perhatian, tumpuan hiburan dan sumber keseronokan setiap anggota keluarga. Setiap anggota keluarga terhibur melihat gelagat dan tingkah laku anak dan paling suka jika anak ketawa. Sesiapa sahaja yang mendekati anak, akan berusaha melakukan sesuatu supaya anak akan ketawa. Kadang kala anak diambil dan didukung oleh orang yang sudah biasa dilihatnya, tetapi jika orang yang tidak biasa dengannya cuba mendekati atau mengambil, anak akan menunjukkan reaksi tidak mahu atau menangis walaupun ahli keluarganya sendiri. Setiap kali menangis, anak akan diserahkan semula kepada ibu. Orang Melayu di Pulau Tuba mempercayai, anak lebih mudah dan cepat berhubung dan berinteraksi dengan orang yang dirasai mempunyai pertalian keluarga dan hubungan emosi, tetapi jika orang yang dirasai tidak tenteram atau tidak selamat adalah

⁸ Melakukan pergerakan atau aksi sama ada dengan tubuh badan, memek muka atau suara.

susah bagi seseorang anak untuk berhubung (takut dekat orang). Dipercayai juga, jika sekiranya anak kencing di dukungan, orang yang mendukung dikatakan mempunyai pertalian emosi yang kuat dan berpanjangan.

Menjelang usia satu setengah tahun, seorang anak Melayu di tempat kajian sudah berkeupayaan untuk berjalan, berlari dan bercakap. Namun ada di antara anak yang berat atau lambat boleh, iaitu memerlukan masa yang lebih lama untuk mencapai tahap-tahap tersebut. Daripada pemerhatian yang dilakukan, didapati anak perempuan cepat boleh berbanding dengan anak lelaki. Pada tahap ini bapa dilihat mula membawa anak mereka bersiar-siar (bawa berjalan) terutama apabila keluar berjumpa kawan-kawan mereka.

Dalam masyarakat yang dikaji, aturan membuang air (toilet training) tidak difikirkan penting. Pada tahap ini, anak masih tidak dapat mengawal untuk membuang air. Tiada sebarang hukuman dikenakan terhadap anak yang membuang air merata-rata malah kelonggaran diberikan melalui penjelasan untuk memastikan anak mematuhi peraturan membuang air. Sekiranya hendak membuang air kecil anak akan diatur kencing⁹ terlebih dahulu, biasanya

⁹ Membawa anak ke pelantar dan disuruh kencing biasanya dengan membunyikan "shu...."!

sebelum dan selepas tidur. Anak yang sudah boleh bercakap, sering kali ditanya sama ada hendak kencing atau tidak. Mereka dibiasakan untuk memberitahu sekiranya terasa hendak membuang air. Begitu juga halnya dengan aturan membuang air besar. Disebabkan tandas terpisah daripada rumah, anak diberi kelonggaran untuk membuang air besar di sekeliling kawasan rumah. Anggota keluarga yang lebih besar ditugaskan untuk menemani, membasuh punggung dan membuang najis ke tempat yang lebih jauh dari kawasan rumah. Ketika berkunjung ke beberapa buah rumah responden yang mempunyai anak kecil sering ditemui najis terutama di kawasan belakang rumah. Anak juga dibenarkan membuang air besar di atas pelantar¹⁰ rumah.

Anak yang berumur 3 hingga 4 tahun didapati masih kencing tikar.¹¹ Setiap kali tidur sama ada di dalam buaian, atau di lantai (tidur bawah), anak akan kencing. Anak dilarang meminum air terlalu banyak sebelum tidur untuk mengelakkan tabiat tersebut. Dalam usia begini juga, anak yang masih kencing tikar terutama di waktu malam (kencing malam) sering kali diugut supaya

¹⁰ Bahagian dapur yang berlantai jarang, biasanya digunakan sebagai tempat limbahan sama ada untuk mencuci pinggan/mangkuk atau barang-barang makanan.

¹¹ Membuang air kecil secara tidak teratur semasa sedang tidur.

tidur berasingan (tidur luar) daripada ibunya. Sekiranya selepas tempoh 5 tahun, anak didapati masih kencing tikar, tabiat tersebut dianggap sebagai penyakit dan usaha mengubatinya dilakukan. Kaedah pemulihan yang biasa digunakan oleh masyarakat di Pulau Tuba ialah dengan mengambil akar tumbuh-tumbuhan sama ada untuk diminum air rebusannya atau dijadikan tangkal yang dipakaikan di pinggang.

Anak orang Melayu di Pulau Tuba masih tidur bersama ibu bapa walaupun mempunyai adik. Amalan tidur bersama ibu bapa berterusan, kadang kala sehingga umur beberapa tahun bersekolah. Sekiranya dalam keluarga terdapat saudara yang telah besar, anak dipisahkan tempat tidur lebih awal daripada itu.

Kebanyakan rumah yang terdapat di tempat kajian mempunyai ruang rumah yang agak sempit,¹² biasanya hanya terdapat satu bilik atau bahagian yang cuma dipisahkan oleh dinding atau pemidang. Bahagian ini memisahkan tempat tidur ibu bapa dan anak-anak. Anak-

¹² Kebanyakan rumah yang terdapat di tempat kajian dibina daripada kayu dan papan dengan beratapkan zink atau nipah. Terdapat beberapa buah rumah separa batu (rumah bawah) dan rumah batu. Biasanya pemilik rumah yang agak besar dikategorikan sebagai golongan berada atau orang senang oleh masyarakat di sini.

anak biasanya tidur di bahagian rumah dalam atau anjung di dalam kelambu yang berasingan bagi jantina yang berbeza. Anak yang masih kecil bebas tidur sama ada bersama ibu bapa atau saudara sedarah yang sama atau berbeza jantina. Ketika anak masih kecil kesedaran kejantinaan masih tidak jelas dan ini mengurangkan perasaan malu. Kebanyakan keluarga Melayu di Pulau Tuba mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai, sementara ruang di dalam rumah agak terhad, maka ibu bapa tidak mungkin mampu menyediakan bilik untuk anak-anak.¹³ Hanya rumah yang agak besar, iaitu 15 buah (20 peratus) mempunyai bilik-bilik yang dikhaskan untuk anak-anak.

Pada tahap ini juga, bentuk perhubungan dengan primary group lebih banyak dikesan, iaitu interaksi anak terhad kepada beberapa orang tertentu sahaja terutama melibatkan anggota keluarga dan mereka yang mempunyai perhubungan kekeluargaan. Kehadiran orang asing dalam

¹³ Bilik tambahan hanya akan dibina sekiranya hendak melangsungkan perkahwinan anak mereka. Terdapat beberapa kes begini berlaku, iaitu ibu bapa akan berusaha memperbesar (tambah rumah) dan memperbaiki rumah sebagai persiapan untuk melangsungkan perkahwinan anak mereka. Pada masa ini juga peralatan perabot rumah seperti katil, almari solek dibeli. Sekiranya perkahwinan anak perempuan, ibu bapa menggunakan wang simpanan dan wang hantaran perkahwinan (duit belanja kahwin) untuk menyediakan peralatan dan memperbaiki rumah. Wang hantaran perkahwinan biasanya diterima daripada pihak lelaki selewat-lewatnya sebulan sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan.

diri anak-anak kadang kala menjadi sumber ketakutan. Ibu bapa sering menakutkan anak-anak dengan kata-kata seperti, "mai ambik budak ni", terutama apabila anak menangis, enggan tidur atau tidak mendengar kata. Bentuk komunikasi juga memperlihatkan ciri-ciri personal, iaitu lebih banyak ciri-ciri kepentingan diri. Anak lebih gemar memberontak (bebai), merab¹⁴ dan tidak faham kehendak dan kepentingan orang lain. Anak sering kali memberontak jika kehendaknya tidak diikuti.

Anak orang Melayu di tempat kajian didapati susah berenggang dan berjauhan dengan anggota keluarga yang rapat dengannya. Biasanya anak akan rapat dengan ibu sehingga dia mendapat adik baru. Banyak kes ditemui di Pulau Tuba, di mana anak bongsu menjalinkan hubungan yang rapat dan mesra dengan ibu berbanding anak-anak lain dalam keluarga walaupun setelah dia meningkat dewasa. Bagi anak yang mempunyai saudara sedarah seperti abang atau kakak, mereka dapat melepaskan diri daripada terlalu bergantung kepada ibu bapa lebih awal daripada anak yang tidak mempunyai kakak atau abang. Penukaran kemesraan daripada ibu kepada bapa atau saudara sedarah berlaku dalam tempoh ini. (Anak juga memperlihatkan kecenderungan untuk berada di samping anggota keluarga yang sama jantina dan menerima pengetahuan tentang peranan kejantinaan.)

¹⁴ Menunjukkan reaksi serba tidak kena.

Anak yang telah mencapai kemampuan dan keupayaan berlari dan bercakap, menghabiskan kebanyakan waktu hariannya untuk aktiviti bermain. Semangat bermainnya amat kuat, lasak (buas) dan tidak mengenal penat. Ibu bapa atau anggota keluarga yang lebih besar sentiasa memerhati dan mengawasi anak bagi memastikan mereka bermain di tempat yang selamat, sama ada di dalam rumah atau di luar rumah. Anak dilarang bermain benda-benda yang boleh membahayakan diri dan barang-barang yang berguna. Anak juga ditegah bermain di tempat yang terdedah kepada bahaya seperti di bawah pokok dan di kawasan semak, bahang panas, dan hujan. Biasanya anak hanya dibenarkan bermain bersama anak jiran-jiran dan saudara mara yang sama atau berbeza jantina. Mereka hanya dibenarkan bermain di kawasan keliling rumah sahaja kerana mudah diawasi dan diperhatikan oleh anggota keluarga. Namun begitu terdapat juga ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka bermain tanpa perhatian dan pengawasan atau dibenarkan bermain jauh daripada kawasan rumah. Ibu yang membiarkan anak sebegini dilihat oleh masyarakat sebagai satu bentuk kesalahan dan pengabaian dalam penjagaan anak. Sekiranya kecelakaan menimpa anak, ibu yang akan dipersalahkan kerana dikatakan hanya pandai beranak tetapi tidak pandai menjaga anak, dan kadang kala dimarahi oleh anggota keluarga yang lebih tua biasanya ibu kerana membiarkan anak tanpa pengawasan. Sekiranya

ada majlis tertentu dalam kampung seperti kenduri, anak digalakkan bermain bersama kawan-kawan yang sebaya untuk mengelakkan anak daripada mengganggu tugas ibu. Anak yang berumur 4 hingga 5 tahun telah menjadi anggota penuh kumpulan yang sebaya dengannya. Apabila ada kesempatan bertemu, anak dilihat bermain bersama-sama walaupun tanpa disuruh oleh ibu.

Bermain adalah aktiviti mental dan fizikal untuk tujuan keperluan kejiwaan dan berkongsi keseronokan (Marvin R. Koller; 1978: 160). Melalui kegiatan bermain, anak cuba memahami dan diperkenalkan dengan peranan orang dewasa iaitu berkaitan dengan bidang pekerjaan dan kehidupan harian orang dewasa. Terdapat berbagai jenis alat mainan dan kesemuanya diperolehi daripada bahan-bahan yang terdapat di sekeliling rumah. Anak perempuan berlagak seperti ibu dengan menggunakan bahan-bahan seperti tin kosong mengganti periuk, pasir sebagai beras dan daun-daun sebagai sayur. Jarang saya melihat ibu bapa membeli barang mainan untuk anak-anak mereka, sebaliknya membuat sendiri menggunakan bahan-bahan tempatan. Kain batik digubah menjadi anak patung untuk mainan anak perempuan mereka sementara anak lelaki disediakan dengan pistol, senapang dan lori mainan yang diperbuat daripada kayu, buluh atau tin-tin kosong. Bentuk mainan yang ditemui di tempat kajian ialah seperti

mainan kendalian sendiri, iaitu anak bermain seorang diri melibatkan barang-barang yang terdapat di sekelilingnya. Selain daripada itu terdapat juga mainan yang melibatkan beberapa orang sama ada mainan terancang dan berorganisasi iaitu permainan yang mempunyai peraturan dan undang-undang seperti aci, kup, tok can dan toi, atau mainan tanpa peraturan seperti **main masak-masak**. Mainan terancang biasanya melibatkan anak-anak yang sudah bersekolah.

4.3 Pendidikan Sekular Moden

Anak mula didedahkan kepada corak pendidikan formal ketika berusia 6 tahun. Pada usia 6 tahun, anak dihantar ke Taman Bimbingan Kanak-Kanak.¹⁵ Di sini, kebanyakan masa dihabiskan untuk aktiviti bermain dan berkomunikasi. Pada tahun 1990 terdapat seramai 39 orang murid di Taman Bimbingan Kanak-Kanak, Kampung Tuba dan 40 orang murid pada tahun 1991. Jumlah ini bukanlah keseluruhan anak yang berumur 6 tahun yang terdapat di tempat kajian.

¹⁵ Diperkenalkan pada tahun 1983 di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Masyarakat Negeri (KEMAS) dengan seorang pengajar dan seorang pembantu.

Jadual 4.1: **Jumlah Murid Taman Bimbingan Kanak-Kanak Kampung Tuba Mengikut Jantina Bagi Tahun 1990 dan 1991**

Jantina	1990	1991
Lelaki	14	21
Perempuan	25	19
Jumlah	39	40

Sumber: Taman Bimbingan Kanak-Kanak KEMAS, Pulau Tuba

Jadual 4.2: **Jadual Aktiviti Taman Bimbingan Kanak-Kanak Kampung Tuba Tahun 1992**

Aktiviti (Ahad hingga Khamis)	Masa (Minit)
1. Perbualan Awal/Gerak Kreatif	20
2. Komunikasi	30
3. Aktiviti bebas/Terancang	30
4. Komunikasi	30
5. Rehat	30
6. Pendidikan Agama/Ketatanegaraan Nyanyian/Muzik/Perbualan	20
7. Akhir/Drama/Gerak Kreatif	20
Jumlah	180

Sumber: Taman Bimbingan Kanak-Kanak KEMAS, Pulau Tuba

Ketika berusia 7 tahun, kesemua ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba. Ibu bapa yang ditemui menyedari tentang pentingnya pendidikan sekular moden dalam kehidupan pada hari ini. Mereka meletakkan nilai yang tinggi kepada mereka yang mempunyai pendidikan dan kelulusan yang tinggi dalam kampung. Kelulusan akademik dianggap sebagai satu jaminan untuk mendapat pekerjaan dan menjawat jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta. Mereka yang berjaya mendapat pekerjaan terutama bekerja dengan Kerajaan (makan gaji) atau berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat maktab atau universiti biasanya disambut oleh ibu bapa dengan mengadakan kenduri kesyukuran (kenduri doa selamat).

Contoh kes:

Ramli ditawarkan memasuki Maktab Perguruan Darul Aman bagi sesi 1991/1992. Sebelum dia mendaftarkan diri, keluarganya telah mengadakan kenduri kesyukuran dengan menjemput sebahagian besar penduduk kampung.

Ibu bapa mempunyai harapan yang tinggi agar anak mereka dapat melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang tertinggi dan kemudiannya mendapat pekerjaan yang baik untuk menjamin kehidupan mereka di masa depan. Di sekolah, anak diharap menjadi "pandai"

dengan memperolehi bentuk pengetahuan baru seperti membaca, menulis dan mengira.

Anak orang Melayu yang masih kecil, tidak diharapkan oleh keluarga untuk melaksanakan tanggung jawab yang jelas di rumah. Pada usia begini anak berada di peringkat hidup tanpa bebanan, iaitu ibu bapa menjangkakan anak yang masih kecil tidak mampu untuk melakukan sesuatu pekerjaan, kecuali diharap untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran di sekolah. Di sekolah, anak tidak hanya diperkenalkan kepada bentuk pengetahuan baru tetapi yang lebih penting ialah pendedahan kepada corak komunikasi di luar lingkungan keluarga.

Jika di peringkat pra-sekolah, corak komunikasi terhad kepada kelompok tertentu, iaitu melibatkan lingkungan keluarga dan saudara rapat, tetapi di sekolah bentuk perhubungan berubah kepada lingkungan masyarakat. Mereka mulai menyertai kumpulan setara dan menghabiskan masa di sekolah dengan bermain dengan rakan sebaya. Walaupun perhubungan terbatas kepada kelompok yang tertentu sahaja, tetapi ia berbeza daripada apa yang diperolehi di rumah. Beberapa jam yang penting dihabiskan di sekolah dan mereka terpisah daripada kawalan keluarga. Di rumah, bentuk interaksi lebih

terkawal, iaitu setiap tingkah laku anak sentiasa diperhatikan dan ditegur oleh keluarga. Apabila berada dalam kelompok masyarakat, interaksi tanpa kawalan lebih banyak dikesan, iaitu anak menggunakan keupayaannya ketika berinteraksi dan mereka jarang diberi teguran terutama oleh kawan-kawan.

Bentuk perhubungan anak tidak lagi memperlihatkan ciri-ciri personal tetapi lebih impersonal. Dalam pergaulan di luar lingkungan keluarga, anak perlu menyesuaikan diri, menghormati hak orang lain, tolong menolong dan perlu memenuhi beberapa jangkaan peranan kelompok yang dihadapinya. Asas tingkah laku dan nilai yang diterima daripada keluarga diperkuuh dan disesuaikan dengan kecenderungan yang diperlukan oleh masyarakat. Pemilihan kawan juga didasarkan kepada ciri-ciri kecenderungan yang sama. Seseorang yang disukai adalah kawan, suka melakukan sesuatu yang sama, tinggal berhampiran dan dapat berjumpa selalu. Kadang kala kawan dipilih secara tidak sengaja.

4.4 Pendidikan Agama

Selain daripada pendidikan sekular moden di sekolah, anak juga diberikan pendidikan keagamaan. Pendidikan agama yang dimaksudkan ialah pendidikan yang

diperolehi secara formal pada peringkat sedar.¹⁶ Bentuk pendidikan asas ialah belajar membaca Al-Quran (mengaji Quran). Anak orang Melayu di tempat kajian dihantar mengaji Quran ketika berusia 7 atau 8 tahun, tetapi sekiranya ada abang atau kakak yang belajar Al-Quran, anak yang berusia 5 atau 6 tahun turut ikut serta. Ramai di antara ibu bapa menghantar anak mereka mengaji kepada guru Quran. Di Kampung Tuba sahaja terdapat 3 orang guru Quran. Hanya terdapat 2 kes, ibu bapa mengajar sendiri anak-anak mereka. Kebanyakan guru Quran mengajar secara suka rela dan menerima sedikit sumbangan ikhlas daripada ibu bapa murid sama ada dalam bentuk wang tunai atau zakat.

Pada peringkat awal, anak diajar mukaddam, iaitu mengenal huruf, baris dan suku kata Bahasa Arab, kemudian diajar membaca Juz Amma¹⁷ dan seterusnya membaca Al-Quran. Mereka menghabiskan masa di waktu malam untuk menghafal, membaca dengan lancar tanpa memahami apa yang dibaca atau didengar, jauh sekali daripada menulis dan bertutur dengan betul dalam Bahasa

¹⁶ Dalam masyarakat yang dikaji, apabila berbincang tentang pendidikan agama, mereka merujuk kepada pelajaran-pelajaran secara formal dan tradisional. Mereka memberi pengertian agama sebagai amalan yang berkaitan dengan kepercayaan yang merupakan urusan individu semata-mata dan sekadar diamalkan dalam upacara seperti nikah kahwin, kematian, atau dalam bentuk syarahan agama atau khutbah.

¹⁷ Juz amma ialah bahagian terakhir dalam Al-Quran iaitu Juz 30 dan juz ini mempunyai 38 surah pendek.

Arab. Bagi masyarakat di sini, Bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran dan bahasa untuk keperluan beribadat.

Ketika menyerahkan anak kepada guru Quran, ibu bapa biasanya membawa makanan berupa pulut kuning sebagai jamuan atau kenduri kepada murid-murid. Ketika melakukan adat menyerah ini, ibu bapa turut memberi kuasa kepada guru Quran untuk mengajar, menegur dan mengenakan hukuman sekiranya anak mereka melakukan kesalahan asalkan hukuman tersebut tidak mendatangkan kecederaan fizikal seperti tempang, patah atau buta.

Pada peringkat budak, amalan agama adalah melalui ikutan dan suruhan, dan tertumpu kepada amalan-amalan asas seperti mengaji Al-Quran, berpuasa dan sembahyang. Ramai di antara keluarga yang ditemui menggalakkan anak-anak mereka melakukan sembahyang dengan cara meniru perlakuan sembahyang anggota keluarga, walaupun ketika itu anak masih belum mahir dengan bacaan di waktu sembahyang. Anak yang belum bersekolah sering dilihat mengikut bapa atau anggota keluarga lelaki ke masjid pada hari Jumaat dan biasanya duduk di sebelah bapanya. Anak yang telah mengaji Al-Quran dan telah bersekolah kebanyakannya didapati sudah boleh menghafal bacaan dalam sembahyang dan digalakkan bersembahyang bersendirian dan pada hari Jumaat mereka berkumpul

bersama kawan-kawan dan tidak lagi berada di sebelah bapanya.

4.5 Pembudayaan dalam Keluarga Orientasi

Anak yang bersekolah tidak lagi dilihat menghabiskan masa di rumah dan berdamping dengan anggota keluarganya, sebaliknya mula dibenarkan keluar rumah. Mereka lebih bebas terutama anak lelaki. Anak lelaki dibiarkan bermain dan berkawan dengan anak-anak jiran yang sebaya (segagan). Walaupun begitu pergaulan dengan jantina berbeza dilarang kecuali jika mempunyai ikatan saudara. Anak lelaki sering dilihat merayau-rayau dan bermain di sekeliling kampung secara berkumpulan. Aktiviti mainan dipilih secara spontan meliputi berbagai jenis kegiatan yang boleh menimbulkan keseronokan bagi kumpulan mereka, seperti memanjat pokok, mandi sungai/ laut, laga ayam, bermain lastik dan berbagai jenis mainan terancang dan berorganisasi yang mempunyai peraturan yang tetap. Kawalan yang ketat dikenakan dalam pemilihan kawan. Anak-anak dilarang berkawan dengan orang-orang tertentu yang boleh mendatangkan kesan negatif ke atas mereka. Anak yang berkawan dengan orang yang tidak dibenarkan akan menerima hukuman dan tidak lagi dibenarkan keluar rumah untuk tempoh yang tertentu.

Contoh kes:

Azman (9 tahun) dilarang berkawan dengan anak-anak jiran yang sebaya dengannya. Ibu bapa Azman sering kali mendengar aduan penduduk kampung perihal tabiat buruk anak-anak jirannya yang suka mencuri barang-barang dan buah-buahan, dan merosakkan harta benda dengan menggunakan lastik. Pada suatu hari, Azman didapati bersubahat dengan mereka melepaskan dan mencuri anak-anak ikan kerapu yang dipelihara oleh seorang penduduk kampung. Azman dipukul oleh ibunya dan selepas kejadian itu dia tidak lagi dibenarkan berkawan dan keluar rumah buat beberapa hari.

Disebabkan pergerakan anak lelaki tidak terbatas, maka kawalan tidak hanya dipikul oleh keluarga tetapi juga oleh saudara mara dan masyarakat kampung. Saudara mara dan anggota masyarakat yang dewasa bertindak sebagai pemerhati dan memberi pengawasan kepada tingkah laku anak. Ibu bapa memberi kuasa dengan berpesan kepada sesiapa sahaja yang melihat anak mereka melakukan perlanggaran seperti bermain di tempat yang merbahaya, mencuri atau bergaduh, supaya menegur dan mengambil tindakan. Ibu bapa selalu berpesan di depan anak-anak kepada orang-orang tertentu dengan kata-kata, "kalau nampak anak aku buat, katok (pukul) kaki/sakai (pukul) bagi". Anggota masyarakat bertanggung jawab menegur sebarang perlanggaran tingkah laku. Orang dewasa yang melihat perlanggaran tingkah laku tetapi tidak menegur atau mengambil tindakan, akan dipersalahkan dan dianggap 'bodoh' kerana gagal berperanan sebagai orang dewasa.

Ibu bapa juga memberi kuasa kepada guru-guru untuk memperbetulkan salah laku anak-anak ketika berada di sekolah. Dalam Mesyuarat Agong Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kali ke-11,¹⁸ satu usul telah dikemukakan supaya anak dirotan, bukan saja ketika mereka melanggar disiplin dan salah laku di sekolah malah keseluruhan masalah disiplin termasuk tingkah laku tidak menghormati ibu bapa.

Hampir setiap penduduk, terutama orang dewasa mengenali anak jiran-jiran mereka. Oleh itu tugas mengawasi anak-anak menjadi bertambah mudah. Jika sebarang perlanggaran tingkah laku dikesan, lambat laun perkara itu akan sampai kepada pengetahuan ibu bapa.

Contoh kes:

Seorang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba telah dipanggil oleh guru berikut laporan seorang pelajar lain yang menyatakan beliau melihat kedua-dua pelajar tersebut berbogel dan melakukan sesuatu di dalam semak. Pelajar lelaki menuntut dalam tahun 5 sementara pasangannya penuntut tahun 2. Perbuatan tersebut dimaklumkan oleh guru kepada kedua ibu bapa pasangan tersebut.

¹⁸ Mesyuarat Agong PIBG Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba diadakan pada 15 Mei 1992. Dalam ucapan pada mesyuarat Agong PIBG kali ke-10, Naib Yang Dipertua PIBG telah meminta ibu bapa memberi bimbingan kepada anak-anak semasa berada di rumah dan tidak semata-mata mengharapkan guru semata-mata (Lihat Lampiran II).

Anak lelaki cuma dibiasakan tentang menjaga keselamatan diri, memberitahu ibu bapa sebelum keluar rumah, pulang pada waktu makan tengah hari dan harus berada di rumah sebelum waktu senja. Ibu bapa milarang keras anak-anak yang bermain di rumah orang tanpa pulang pada waktu makan sebaliknya makan di rumah orang lain, kerana perbuatan tersebut boleh memalukan ibu bapa, iaitu seolah-olah ibu bapa tidak mampu menyediakan makanan untuk anak-anak. Jika anak leka bermain tanpa pulang untuk makan atau mandi, kaum keluarga akan mencari dan kerap kalinya saya melihat anak-anak akan dipukul.

Anak lelaki diberi lebih kebebasan dalam keluarga berbanding anak perempuan. Kawalan ke atas anak perempuan lebih ketat daripada anak lelaki. Ibu bapa menaruh perasaan bimbang terhadap keselamatan anak perempuan, ketika berada di luar rumah tanpa pemerhatian keluarga. Oleh itu anak perempuan lebih banyak menghabiskan masa di rumah, memenuhi jangkaan masyarakat 'untuk tinggal di rumah, membantu ibu dan tidak didedahkan kepada masyarakat kecuali adik beradik sendiri.'

Dalam proses pembudayaan, tugas mendidik anak-anak adalah menjadi tanggungjawab bersama setiap anggota keluarga. Dari segi hubungan dan penjagaan anak,

ibu lebih rapat, mesra dan memainkan peranan utama, terutama pada tahap awal kelahiran berbanding bapa. Ini disebabkan ibu memainkan peranan ekspresif iaitu sikap lemah lembut, pengasih dan penyayang dapat memberi ketenteraman jiwa kepada anak-anak dan bertanggungjawab menjadi pengasuh anak-anak dan mereka mempunyai lebih banyak masa bersama anak-anak dan tinggal tetap di rumah, berbanding bapa. Bapa menghabiskan lebih banyak masa di luar lingkungan rumah untuk tujuan mencari makan dan memenuhi keperluan serta beberapa kepentingan lain yang melibatkan institusi di luar keluarga. Dalam hal penjagaan anak isteri/ibu lebih mengambil tahu, teliti dan memberi perhatian yang mencukupi, sementara bapa bertindak sebagai simbol kekuasaan untuk menjalankan disiplin. Tugas dan tanggungjawab bersama ibu bapa ialah untuk membina dan mempersiapkan anak menghadapi kehidupan dengan mempelajari standard budaya masyarakat. Tugas ini bermula semenjak anak telah mencapai keupayaan persediaan dan potensi untuk menerima didikan.

Pada tahap ini anak dikatakan sudah mula berakal atau ada akal, iaitu anak dapat memahami arahan, menerima arahan dan membezakan sesuatu. Tahap ini adalah tahap utama dan terpenting dalam proses pembudayaan, kerana masyarakat di sini menganggap hati dan fikiran anak pada tahap ini masih lembut dan jernih. Anak kecil

diibaratkan seperti sehelai kain putih yang bersih kerana fikiran (akal) dan hati (hati perut) yang bersih dan masih belum dipengaruhi oleh aspek-aspek buruk dan jahat. Oleh itu ibu bapa mempunyai tugas dan tanggungjawab yang paling besar dan berat untuk mencorakkan tingkah laku anak berdasarkan tingkah laku normatif sepertimana yang dikehendaki oleh kelompok sosial mereka. Tabiat dan perangai anak perlu dilatih dari kecil kerana **hatinya masih lembut**. Apabila anak telah meningkat besar hatinya dikatakan sudah keras. Oleh itu konsep "melentur buluh biarlah dari rebungnya", digunakan oleh masyarakat di sini dalam proses pembudayaan, iaitu proses mendidik mestilah bermula semenjak anak masih kecil kerana anak mudah dididik, diasuh dan diberi teguran. Perlindungan dan pergantungan daripada keluarga semasa anak berada dalam keluarga orientasi juga menyebabkan mereka mempunyai keharusan untuk patuh kepada setiap arahan ibu bapa.

Anak yang telah mempunyai persediaan belajar, diperkenal dan dibiasakan dengan hak dan peranannya dalam keluarga. Hak anak kepada kedua ibu bapa ialah berbuat baik, hormat dan mengabdi. Pada tahap pertama dalam proses pembudayaan, seseorang anak dalam kehidupannya menerima pelbagai pengetahuan dan belajar dengan tidak bersoal jawab. Semasa dalam keluarga orientasi,

seseorang itu didapati secara pasif menerima sahaja aspek-aspek peranan sosial, norma sosial, sistem nilai serta struktur sikap (Abu Hassan Othman; 1971: 185). Ciri-ciri kekuasaan autokrasi banyak dikesan dalam keluarga Melayu di Pulau Tuba, iaitu hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak hanya melibatkan interaksi sehala. Ibu bapa mempunyai kewibawaan penuh dan apabila berlaku soal jawab daripada anak-anak terhadap ibu bapanya, maka saya melihat ibu bapa menggunakan kekuasaan autokrasinya sebagai penentu dan penghukum. Sebagai budak, anak-anak hanya mengikut apa yang dilakukan oleh orang lain dalam rumah itu. Mereka masih terlalu kecil (budak lagi), untuk diberitahu tentang baik dan buruk. Anak mestilah sentiasa mendengar kata ibu bapa, kerana nilai hormat yang tinggi dan mereka juga takut sesuatu akan berlaku jika tidak menurut kata ibu bapa. Membantah dan melawan cakap ibu bapa atau orang yang lebih dewasa dianggap sebagai menderhaka, kurang ajar dan biadab. Derhaka ialah menunjukkan sikap menentang dan tidak melaksanakan hak sebagai seorang anak. Menderhaka adalah satu dosa besar dan anak yang menderhaka dipercayai akan mendapat balasan sama ada di dunia ataupun di akhirat. Membantah suruhan ibu bapa dengan hanya mengeluarkan perkataan 'uh' sahaja sudah dianggap berdosa besar. Dalam apa-apa hal, anak mesti akur dengan perintah ibu bapa kerana mereka lebih tua dan lebih dahulu makan garam dan dianggap

bijaksana, berpengalaman dan mengetahui berbanding anak yang masih setahun jagung dan masih mentah (kunyit masih diubun-ubun). Oleh itu anak dianggap tidak mengetahui (tak tahu apa) dan tidak dapat membuat keputusan yang baik dan betul walaupun untuk dirinya sendiri. Dalam proses pembudayaan masyarakat Pulau Tuba, anak-anak melihat ibu bapa sebagai betul dan setiap arahan dan keputusan yang diambil oleh ibu bapa adalah sesuatu yang difikirkan baik dan betul untuk tujuan kebijakan dan kepentingan anak.

Ibu bapa juga dipercayai mempunyai mulut masin, iaitu setiap ucapan dan perkataan yang keluar dari mulut mereka akan menjadi satu kenyataan. Kata-kata nasihat dan teguran daripada ibu bapa mestilah didengar dan diterima tanpa banyak soalan. Tanda hormat dimanifestasikan melalui tingkah laku ketika berinteraksi dengan ibu bapa seperti sistem sapaan dan rujukan, laras bahasa, intonasi suara, memekkan muka dan kedudukan badan.

Sistem sapaan dan panggilan yang lembut dan bersopan digunakan apabila anak berkomunikasi dengan ibu bapa. Anak-anak membahasakan dirinya sebagai "cek" apabila berhubung dengan ibu bapa atau orang yang lebih tua. Membahasakan diri dengan perkataan "aku" dianggap

kasar dan biadap. Istilah menyapa yang digunakan oleh anak terhadap bapanya ialah ayah atau pak, sementara istilah menyapa untuk ibu ialah emak atau mak. Ibu bapa pula menggunakan nama untuk menyapa anak. Kadang kala, dalam sesebuah keluarga Melayu di Pulau Tuba, nama timangan atau nama manja diberikan kepada setiap orang anak, misalnya Manja, Sayang, Intan, Manis, Putih, Hitam, Huduh, Kecik, dan ibu bapa menggunakan jolokan ini untuk menyapa anak. Dalam kes begini, anak juga kadang kala membahasakan diri dengan jolokan tersebut tetapi tidak pernah ditemui, anak menggunakan nama sebenar ketika berinteraksi dengan ibu bapa.

Mengikut masyarakat Melayu Pulau Tuba, apabila berbicara dengan ibu bapa juga mestilah dengan penuh kelembutan dan sopan. Seseorang anak tidak boleh meninggikan suara (serengiang) ketika bercakap dengan ibu bapa. Anak hendaklah bersegera menyahut panggilan ibu bapa dan bersegera apabila disuruh. Mengeluarkan perkataan sat (sebentar), menunjukkan memekkan muka, jelingan mata, bermuncung mulut dan membebek (menyengau) sewaktu disuruh adalah menjadi satu kesalahan atau pantang.

4.5.1 Latihan Tabiat

Pada tahap awal dalam proses pembudayaan, anak dididik dan diasuh dengan membiasakannya melaksanakan nilai-nilai sosial secara umum. Pembinaan kebiasaan ini bertujuan supaya apabila meningkat besar anak dapat memahami hakikat sesuatu perkara dan hasilnya dapat berinteraksi dan bergaul dengan kelompok sosial secara berkesan. Individu diharapkan akan tampil dalam masyarakat dengan perangai, sikap, kelakuan dan akhlak serta interaksi yang baik, iaitu ukuran yang dipandang tinggi dan murni oleh masyarakat. Faktor yang menjadi keutamaan pada tahap ini ialah pendidikan moral,¹⁹ iaitu keutamaan perangai²⁰ dan tabiat yang harus dimiliki dan dijadikan kebiasaan. Ibu bapa dan anggota keluarga lainnya mempunyai kuasa dan kawalan mutlak untuk memberi kesedaran kepada anak tentang nilai dan kod moral yang sedia ada dan mengamalkan tabiat dan tingkah laku yang selaras dengan nilai-nilai tersebut.

¹⁹ "Moral behavior is behavior a group defines good or right and for which the social group administers social sanctions"

"... moral values are beliefs, again shared in a social group about what is good or right" (Myra Windmiller; 1980: 5).

²⁰ Satu sifat yang tertanam dan sebatи dalam jiwa seseorang yang melahirkan tingkah laku dengan mudah (spontan) atau tanpa teragak-agak.

Anak-anak dibiasakan dengan nilai dan tingkah laku moral serta norma dalam keluarga, melibatkan peranan sosial dan peraturan tingkah laku. Anak menerima pengetahuan, iaitu di antara apa yang baik, betul dan patut dan apa yang tidak baik, salah dan tidak patut daripada keluarga. Konsep pengetahuan²¹ ini adalah berdasarkan tradisi keluarga, iaitu nilai dan pengalaman pembudayaan yang diterima oleh ibu bapa yang kemudiannya diperturunkan kepada anak-anak. Perkara yang baik pada pandangan anak ialah perkara yang dibenar melakukannya dan tingkah laku yang membawa tindak balas yang disukai atau sekurang-kurangnya tidak membawa sebarang tindak balas daripada ibu bapa. Pola tingkah laku ini beransur-ansur diperkuuhkan setelah berulang kali dilakukan. Mengulangi tingkah laku yang telah diiktiraf sebagai tidak baik dan menerima teguran sebelum daripada ini dikatakan tidak rap atau *be'at*.

Norma dan nilai dalam keluarga diperolehi melalui teladan, peniruan, tunjuk ajar secara langsung dan pembetulan melalui kesalahan. Teladan dan peniruan adalah proses pembinaan moral yang aktif. Lingkungan sekeliling banyak mempengaruhi anak-anak, apa yang dilihat, dengar, dan terjadi di hadapannya pada setiap

²¹ Konsep pengetahuan yang terangkum di dalamnya persoalan nilai, world view, norma dan kepercayaan tentang apa yang baik dan tidak baik.

hari, itulah yang mempengaruhi jiwa dan akhlaknya. Anak suka meniru sesuatu dan menjadi tabiat dan perangainya sampai ke hari tua. Anak akhirnya akan memiliki pola-pola perlakuan dan perangai yang sama atau hampir sama dengan perlakuan dan perangai ibu atau bapa apabila dewasa (bapak borek anak rintik). Hakikat ini dipersetujui oleh sebilangan besar responden (65 peratus) walaupun pada masa yang sama mereka mengakui perangai dan pola-pola perlakuan juga dipengaruhi oleh pengaruh baka atau warisan.

Anggota keluarga yang lebih tua dimestikan menunjukkan tingkah laku yang baik dan bertindak sebagai model peranan (role model) kepada anak. Anggota keluarga yang gagal menunjukkan tingkah laku dan menjadi model peranan yang baik, dianggap sebagai mengajar anak untuk bertingkah laku dan berperanan sedemikian. Dalam hal ini, biasanya anak tidak dipersalahkan atau dihukum tetapi kesalahan diletakkan kepada anggota keluarga yang mengajar. Selain daripada teladan dan peniruan, keluarga Melayu di sini juga mempercayai, perangai dan tabiat adalah disebabkan oleh pengaruh baka, iaitu boleh diwarisi secara keturunan (keturun) daripada kaum keluarga, sama ada daripada ibu bapa, datuk, neneh, saudara sebelah ibu atau saudara sebelah bapa (ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi). Oleh sebab itu

apabila mereka merujuk pola-pola perlakuan dan perangai seseorang sering kali dikaitkan dengan pola-pola perlakuan dan perangai salah seorang daripada anggota keluarga orang yang dirujuk.

Norma dalam keluarga diperolehi secara berbeza di antara anak lelaki dengan anak perempuan. Kesedaran kejantinaan diterima dan diterap sejak kecil melalui proses latihan tabiat dan bertambah jelas dan diperkuuh apabila anak mula bersekolah. Anak dibiasakan dengan tingkah laku kejantinaan, aktiviti, sikap, tugas dan tanggungjawab yang bersesuaian dengan jantina.

Walaupun perhatian yang sama diberikan terhadap anak perempuan dan anak lelaki dalam proses pembudayaan tetapi terdapat perbezaan dari beberapa aspek. Dalam proses pembudayaan, penekanan ke atas anak lelaki supaya mengikut peranan bapa sementara anak perempuan mencontohi peranan ibu. (Anak lelaki dijangkakan menjadi jantan dengan sifat-sifat superior sementara anak perempuan dengan sifat-sifat keperempuanan.) Ibu bapa menganggap orang lelaki sebagai kuat, aktif, mesti tahan lasak, berani dan sanggup menghadapi risiko, manakala perempuan digalakkan membina hubungan mesra, menceritakan masalah dan kesusahan, menunjukkan kasih sayang, malu, sentiasa beralah dan memberi kesenangan dan keselesaan kepada

orang lain. Oleh itu, dari segi corak pengasuhan, keluarga-keluarga yang ditemui lebih menekankan supaya anak perempuan menghayati, dan mengikuti adab sosial yang lebih berbanding anak lelaki seperti cara duduk, cara berjalan, cara berpakaian, aspek malu dan sifat lemah lembut. Anak perempuan yang agresif dan lasak dikatakan macam jantan (menyerupai lelaki) atau betina garit. Dari aspek kawalan sosial, anak perempuan didapati lebih patuh dan kurang menerima hukuman fizikal berbanding dengan anak lelaki.

4.5.2 Kemanjaan

Dalam keluarga Melayu, kasih sayang jarang didemonstrasikan. Manifestasi kasih sayang yang banyak hanya dapat dikesan pada peringkat awal kelahiran, tetapi apabila anak-anak telah mencapai tahap keupayaan untuk menerima pendidikan, manifestasi kasih sayang beransur-ansur berkurangan. Manifestasi kasih sayang yang semakin berkurangan ini adalah disebabkan oleh peralihan tumpuan iaitu anak tidak lagi berada dalam tumpuan ibu sepenuhnya dan sebagai satu kaedah dalam proses pembudayaan.

Biasanya dalam keluarga yang dikaji, anak yang berusia tiga tahun atau lebih awal daripada itu sudah mempunyai adik. Ibu tidak dapat memberi tumpuan yang

lebih kepada anak disebabkan kehadiran anggota baru dalam keluarga. Oleh kerana itu, dalam masyarakat Melayu di sini, biasanya anak bongsu diberi lebih tumpuan walaupun umurnya telah meningkat. Ini tidak bererti bahawa kasih sayang ibu terhadap anak berkurangan atau membeza-bezakan seorang anak dengan anak yang lain tetapi kemesraan seorang ibu ditunjukkan dengan cara yang lain pula, misalnya dengan menyediakan makanan istimewa yang disukai oleh anaknya. Ibu juga dilihat sering memujuk anak yang menangis setelah menerima hukuman fizikal sebelum daripada itu. Pada tahap ini beberapa kepentingan ibu ke atas anak diambil alih oleh anak-anak yang sudah besar.

Manifestasi kasih sayang yang kurang ini juga disebabkan oleh anggapan masyarakat di sini bahawa kasih sayang yang didemonstrasikan adalah aspek kemanjaan. Memberi manja ialah memperlihatkan hubungan yang permissive dan selalu diturut kehendak hati dan mengikut apa saja kehendak dan permintaan anak. Bentuk kemanjaan yang berlebihan adalah satu bentuk kelalaian dan kesalahan dalam proses mendidik anak-anak. Pada fikiran orang Melayu di sini, anak yang terlalu dimanja akan naik kepala, iaitu anak mempunyai kuasa untuk memerintah dan memberontak kerana anak mengetahui bahawa setiap permintaan dan kehendaknya pasti tidak akan ditolak oleh ibu bapa. Anak yang demikian sukar untuk berdikari dan

sukar untuk melepaskan pergantungan terhadap ibu bapa. Oleh kerana itu, anak semenjak kecil, tidak diberi muka, iaitu tidak mudah diberi perhatian dan layanan terhadap segala kehendak anak terutama yang melanggar norma keluarga. Kebanyakan ibu yang ditemui memberitahu bahawa mereka terpaksa garang supaya anak-anak tidak naik kepala. Mereka juga mengakui bahawa tidak memberi muka adalah kaedah yang paling berkesan dalam proses pembudayaan kerana anak akan sentiasa patuh kepada ibu bapa.

Kemanjaan dilihat sebagai kelalaian dalam mendidik kerana ibu bapa sering kali membiarkan anak-anak melakukan perlanggaran tingkah laku. Anak yang melakukan perlanggaran tingkah laku biasanya hanya diberi teguran lisan dengan bahasa yang paling lembut dan tanpa ketegasan.

Saya pernah melihat seorang anak meludah ke arah anak jirannya yang datang bertandang. Ibu kanak-kanak tersebut hanya menegur dengan kata-kata, "Jangan buat macam tu.. Che ooi...". Fenomena ini dilihat oleh orang di luar keluarga sebagai satu bentuk kelemahan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. "Kalau anak aku, aku tampar dah!". Reaksi sebegini sering kedengaran setiap kali orang di luar keluarga melihat ibu bapa yang

membiaran anak-anak melakukan perlanggaran tingkah laku tanpa sebarang hukuman.

Teguran dan hukuman hanya boleh dilakukan oleh ibu bapa dan anggota keluarga yang lebih tua. Orang di luar keluarga tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam menegur atau membentulkan kesalahan anak. Kadang kala bapa saudara atau emak saudara sendiri tidak berani menghukum anak saudara yang melakukan perlanggaran tingkah laku di hadapan ibu bapa. Campur tangan dalam hal ehwal rumah tangga boleh mengeruhkan perhubungan sesama saudara. Alasan yang diberikan oleh keluarga yang ditemui ialah, campur tangan boleh mencabar kewibawaan dan maruah sesebuah keluarga terutama bapa, dengan andaian bahawa mereka tidak pandai mengajar anak.

Contoh kes:

Azmi sering memberi teguran setiap kali adiknya mengenakan hukuman kepada anak. Pernah saya melihat Azmi menghalang adiknya daripada memukul anak dengan melindungi kanak-kanak tersebut dan memarahi adiknya dengan kata-kata, "Kau ni nak bunuh anak ke". Tindakan Azmi menyebabkan hubungan mereka renggang dan jarang bertegur sapa.

Keadaan ini tertakluk ke atas perlanggaran tingkah laku yang dilakukan di hadapan ibu bapa. Tetapi sekiranya perlanggaran tingkah laku bukan berlaku di

hadapan ibu bapa, saudara mara dan orang di luar keluarga bertanggungjawab memberi teguran dan mengenakan hukuman, bergantung kepada siapa yang melihat perlanggaran tersebut. Ibu bapa kadang kala memberi kuasa kepada sesiapa sahaja yang melihat anak melakukan perlanggaran tingkah laku untuk mengambil tindakan. Ibu bapa sering kali dilihat berpesan kepada orang-orang tertentu di luar keluarga dengan kata-kata, "Kalau nampak anak aku buat macam tu, hang katok kaki". Pesanan ini biasanya diucapkan ketika anak ada bersama-sama.

4.5.3 Kawalan dan Hukuman

Kawalan sosial adalah makanisma yang digunakan untuk merealisasikan sistem normatif dan mengawal anggota masyarakat supaya bertindak sesuai dengan nilai dan aspirasi budaya. Hukuman adalah cara paling efektif dan gerak kuasa paling berkesan untuk mengawal tingkah laku dan mengekalkan pembudayaan yang diterima. Kesilapan perlu diperbetulkan kerana ini adalah pengalaman berharga sebagai jalan supaya tidak berlaku kesilapan kali kedua di masa depan. Bagi masyarakat yang dikaji, teguran dan larangan bukan merupakan kaedah kawalan sosial yang berkesan untuk mengawal perlanggaran tingkah laku. Kebanyakan ibu bapa Melayu yang ditemui menyatakan bahawa pembetulan kesalahan tidak berkesan tanpa hukuman

fizikal. Oleh itu jarang sekali ditemui anak yang melakukan kesalahan disuruh berjanji atau ditegur sahaja kecuali disertakan dengan hukuman fizikal. Anak dikatakan masih tidak faham bahasa, iaitu sukar mendengar dan menerima penjelasan daripada ibu bapa. Anak yang melakukan perlanggaran tingkah laku dicubit atau dipukul dan ditanya, "Nak buat lagi dak?". Hukuman fizikal dikenakan sebagai satu bentuk peringatan dan kaedah untuk memastikan anak tidak mengulangi bentuk kesalahan yang serupa (bagi serik).

Hukuman yang dikenakan oleh ibu terhadap anak-anak sering kali dipilih secara tidak sedar dan tidak tetap berbanding bapa yang mengenakan hukuman dengan lebih teratur. Ini disebabkan ibu yang selalu berada di rumah dan mendampingi anak-anak sering menghadapi berbagai salah laku anak-anak, oleh itu mereka lebih terdorong mengikut emosi ketika menghukum. Pada asasnya, adalah sukar untuk mengesan kesalahan yang mendorong kepada hukuman. Kebanyakan bentuk kesalahan tertakluk kepada ibu dan lebih kepada keengganannya untuk menurut kata. Oleh sebab itu banyak kes ditemui di mana anak yang menanggis selepas dihukum, akan dihukum sekali lagi jika enggan berhenti menangis.

Biasanya, hukuman dilakukan semasa perlanggaran peranan dan kesalahan tingkah laku berlaku. Tiada bentuk hukuman tertunda dikesan walaupun kadang kala ibu membuat ugutan untuk memberitahu bapa, "Nanti ayah balik, baru hang tau!". Ugutan sebegini sering digunakan sekiranya ibu tidak dapat mengenakan hukuman ke atas anak semasa kesalahan sedang berlaku. Ugutan ini digunakan kerana bapa mempunyai kuasa untuk menjalankan tindakan disiplin dan kadang kala sebagai simbol ketakutan dalam sesbuah keluarga. Biasanya dalam sesbuah keluarga Melayu, terdapat seseorang yang tegas dan paling ditakuti sama ada bapa atau anggota keluarga yang lain. Keseimbangan ini perlu ada dalam keluaraga kerana di samping mendapat kasih sayang mereka juga dididik dan diasuh dengan sempurna.

Daripada kajian yang dilakukan, didapati sering kali ibu bapa lebih memberikan tumpuan kepada tingkah laku negatif. Cuma pada tahap anak masih kecil ganjaran terhadap tingkah laku yang betul dikesan. Biasanya anak yang memperlihatkan tingkah laku yang betul akan diraikan dan mendapat tepok sorak daripada keluarga. Tetapi apabila anak sudah besar, hukuman digunakan untuk mengawal tingkah laku anak-anak. Bentuk kawalan yang biasa dikenakan ialah teguran tanpa melibatkan hukuman fizikal seperti dimarah, gertak, ugut atau jelingan mata,

dan teguran yang melibatkan hukuman fizikal seperti dirotan (tibai), tampar, cubit atau pukul (godam). Apabila ibu bapa memarahi anak-anak, mereka mengelakkan perkataan yang bersifat negatif seperti bodoh, celaka atau sial. Masyarakat di sini mempercayai bahawa jika digunakan perkataan yang bersifat negatif anak-anak akan benar-benar menjadi seperti itu. Oleh itu apabila marah, ibu bapa sering mengatakan "Bertuahnya budak ini" atau "anak bertuah". Dalam keghairahan untuk mengawal tingkah laku dan memastikan anak tidak melakukan kesalahan, ibu bapa kadang kala dalam keadaan marah mencapai apa saja objek yang terdapat di sekeliling untuk menghukum anak. Walau bagaimanapun asasnya ia hanyalah untuk menakutkan sahaja. Perkara biasa yang dapat dilihat pada rumah yang dikunjungi ialah rotan kecil yang terselit di dinding yang akan digunakan oleh bapa apabila anak melakukan perlanggaran tingkah laku atau enggan mendengar kata.

Ketakutan juga adalah bentuk kawalan yang berkesan dan teknik yang digunakan secara meluas di sini terutama ke atas anak yang masih kecil. Sifat takut dipupuk semenjak kecil bertujuan menjaga dan menjauahkan anak daripada sesuatu yang memudaratkan dan memudahkan kawalan. Ibu bapa sering kali menakutkan anak dengan kuasa luar biasa, balasan Tuhan, hantu, dan perkara atau objek-objek tertentu. Sumber ketakutan tidak sama di

antara seorang individu dengan individu yang lain. Biasanya sumber yang menjadi ketakutan kepada anak ialah seperti hantu, orang gila (keling gila), orang potong kepala, binatang-binatang tertentu, suasana gelap dan kecacatan fizikal yang dialami oleh seseorang. Bentuk pengawalan melalui ketakutan juga dapat dikesan melalui penggunaan pantang larang. Pantang larang ini berfungsi sebagai satu bentuk kepercayaan yang berupa larangan dalam melakukan sesuatu yang melanggar norma dan nilai masyarakat dan dikaitkan dengan kesan buruk kepada sesiapa yang melanggarnya. Pantang larang dipatuhi oleh anak-anak tanpa banyak soal kerana usaha mempertikaikannya dianggap cuba melawan cakap orang tua. Perlanggaran tingkah laku dan peranan sosial dipercayai mengakibatkan kesan buruk yang datangnya dari kuasa luar biasa seperti duduk atas bantal mengakibatkan bisul dan jika bersiul, ular akan masuk rumah.

Pada peringkat budak, bentuk kawalan luar lebih banyak dikesan. Walau bagaimanapun keluarga berusaha menukar bentuk-bentuk kawalan luar (outer controls) kepada bentuk kawalan dalaman (inner controls). Proses ini dikenali sebagai proses penyebadian.²² Anak dipupuk

²² The concept of internalization is often used to refer to the child's adoption of social norms or roles as its own, and to the resulting control of its behavior be the most complex mediational functions of cognitive and verbal processes (Justin Aronfreed; 1966:264).

supaya menginternalisasikan standard nilai dan norma masyarakat. Proses ini dapat membentuk kesedaran dalam diri (self control) sama ada perkara yang dilakukan itu betul atau salah. Perkara yang tidak baik dikaitkan dengan dosa, balasan Tuhan, pantang larang dan akibat buruk. Anak diperkenalkan dengan konsep dosa dan pahala, gambaran terburuk di neraka dan gambaran terbaik di syurga. Tekanan dan kawalan yang diberikan oleh Islam mempunyai kesan yang menyeluruh dalam proses pembudayaan masyarakat Melayu di Pulau Tuba bagi mempengaruhi individu mematuhi nilai dan norma masyarakat. Tingkah laku yang buruk juga dikaitkan dengan kemurkaan Tuhan (Tuhan marah).

4.6 Hubungan dengan Saudara Kandung

Pola perhubungan sosial antara saudara kandung ditentukan oleh kedudukan peringkat umur, atau berdasarkan tertib kelahiran. Hubungan yang terjalin antara saudara kandung adalah rapat dan mesra kerana tinggal bersama dan menghabiskan masa dengan saudara kandung. Saudara yang berada di pangkat lebih atas diharap memberi teladan dan tunjuk ajar kepada saudara yang berada di pangkat lebih bawah. Dalam sesebuah keluarga Melayu yang dikaji, saudara yang lebih tua bertindak sebagai pelindung, pembimbing, pengasuh dan

berkuasa. Walau bagaimanapun tiada keistimewaan yang diberikan kepada saudara yang sulung tetapi hanyalah berdasarkan keutamaan dan umur dalam keluarga. Oleh itu, terdapat beberapa kes di mana anak kedua lebih berkuasa dan berpengaruh dari anak sulung terutama jika anak sulung adalah perempuan.

Contoh kes:

Taufik adalah anak kedua. Dia mempunyai seorang kakak. Dalam banyak hal saya mendapati Taufik lebih berpengaruh dan berkuasa daripada kakaknya.

Sementara itu, saudara yang lebih muda mestilah taat, hormat dan tertakluk kepada kuasa abang atau kakak sepetimana hubungan yang terjalin di antara seorang anak dengan ibu bapa. Abang dan kakak diasuh untuk menjalankan tanggungjawab menjaga dan mengasuh adik seketika apabila ibu bekerja atau tiada di rumah.

"Hubungan quasi-parental meletakkan saudara yang lebih tua mempunyai kelebihan hak untuk mendapatkan kehormatan dan ketaatan daripada adik-adik yang lebih kecil dan adik-adik pula mempunyai obligasi untuk menunjukkan kehormatan kepada abang atau kakaknya."

(Abu Hassan Othman; 1972: 102)

Abang dan kakak bertanggungjawab menjalankan disiplin dan penjagaan ke atas adik-adiknya. Perbuatan tidak menghormati dan mentaati abang atau kakak adalah satu kesalahan yang akan menerima teguran dan kadang kala hukuman daripada ibu bapa. Begitu juga halnya dengan abang dan kakak yang gagal menjadi model peranan dengan memberi contoh teladan yang tidak baik, membiar adik tanpa pengawasan, gagal melindungi dan menjaga dengan baik, akan menerima teguran dan hukuman daripada ibu bapa. Abang dan kakak yang tua disalahkan jika membiarkan adik tanpa pengawalan dan pengawasan sedangkan adik masih tidak mengerti.

Contoh kes:

Lazim memukul anaknya dengan paip getah kerana membiarkan adik-adiknya bermain di tepi perigi. Sementara adik-adik hanya dimarahi tanpa menerima sebarang hukuman fizikal.

Pemisahan yang mutlak berdasarkan perbezaan jantina tidak dikesan pada tahap usia sebelum bersekolah. Anak-anak yang berbeza jantina dilihat bermain bersama-sama, mandi bersama-sama walaupun berbogel dan tidur bersama-sama. Tetapi selepas umur bersekolah, pemisahan jantina semakin jelas dikesan. Masing-masing mula menyertai kumpulan sebaya. Anak lelaki menghabiskan banyak masa di luar rumah untuk tujuan bermain sementara

anak perempuan lebih banyak masa untuk tinggal di rumah. Disebabkan lebih banyak masa dihabiskan oleh anak perempuan untuk berada di rumah dan mendampingi anggota sejenis, maka anak perempuan lebih dahulu dipupuk untuk memikul tanggungjawab. Sementara anak lelaki hanya menolong hanya apabila disuruh.

Bagi anak perempuan, naluri keibuan terpupuk ketika umurnya masih muda lagi. Apabila berusia enam atau tujuh tahun, anak perempuan sering dilihat berlagak seperti ibu terhadap adiknya, menolong memberi makan, membawa adik berjalan-jalan dan bermain, menukar pakaian yang kotor dan menjaga adik dengan herhati-hati ketika bermain.

Contoh kes:

Gayah membawa dua orang adiknya ke kedai. Dipertengahan jalan beberapa orang pemuda kampung menganggu dan mengusik mereka. Gayah bertindak mengawal dan melindungi adik-adiknya daripada terus diusik, seterusnya memarahi pemuda-pemuda tersebut.

Tanggungjawab menjaga adik lebih banyak dipikul oleh anak perempuan. Jika tidak mempunyai adik sekalipun, mereka disuruh menjaga anak saudara. Manakala anak lelaki jarang dilihat menjaga dan bermain dengan adiknya kerana mereka lebih suka bermain dengan rakan

sebaya daripada memikul tanggungjawab di rumah. Anak lelaki memiliki kebebasan yang lebih berbanding anak perempuan dan semata-mata menumpukan tanggungjawab mengenai persekolahan mereka.

Pada usia begini, anak perempuan hanya membantu dalam aspek pengasuhan, iaitu menjaga adik-adik. Mereka tidak lagi diberi tanggungjawab untuk membantu ibu dalam tugas-tugas di dapur. Latihan untuk ke dapur tidak diberikan kerana ibu bapa menjangkakan tahap keupayaan fizikal anak perempuan masih belum mencukupi untuk melakukan tugas-tugas di dapur, dan cubaan untuk melakukannya boleh mendatangkan kemudaratatan ke atas anak.

Contoh kes:

Ketika saya mengunjungi rumah Taha, anak perempuannya, Lela dimarahi oleh ibu kerana bertindak mengoreng telor. Kedudukan dapur dan kuali yang lebih tinggi daripada Lela, berkemungkinan besar boleh mendatangkan bahaya tumpahan minyak panas sekiranya tidak berhati-hati.

Anak perempuan yang bertindak melakukan kegiatan ibu juga dianggap sebagai pengacau atau tujuan bermain sahaja kerana mereka masih belum berkeupayaan melakukan tugas-tugas tersebut dengan sempurna. Anak perempuan yang belum bersekolah dilihat membasuh kain

bersama ibu, melipat pakaian yang telah dikeringkan atau memotong sayuran, walaupun kadang kala tindakan ini hanya mengganggu tugas ibu. Anak perempuan yang telah bersekolah diberi peranan yang lebih jelas dalam keluarga terutama menjaga dan bermain dengan adik selepas waktu sekolah atau di waktu ibu tiada di rumah, mengemas rumah dan membasuh pakaian sekurang-kurangnya pakaian sendiri. Sementara anak lelaki kebanyakannya mula di bawa 'Ke laut" apabila berusia 10 tahun.

Pada tahap ini anak menjalankan tanggungjawab di rumah melalui suruhan dan arahan lisan. Anak tidak disuruh melakukan kerja-kerja yang berat dan banyak menggunakan tenaga fizikal kerana kerja-kerja sedemikian tidak sewajarnya dilakukan oleh anak yang masih muda. Ibu bapa menjangkakan anak-anak masih belum mampu menjalankan kerja-kerja tersebut dan jika dilakukan hanya akan mendatangkan bahaya dan kemudaratan ke atas anak. Peranan anak dalam keluarga pada tahap ini ialah menolong, iaitu melakukan tugas hanya apabila disuruh.

Hubungan gurau senda (melawak) sesama saudara kandung secara berlebihan tidak digalakkan. Ini dikhuatiri akan mencetuskan pergaduhan atau jadi bunga tahi. Pertengkaran dan perebutan antara adik beradik dianggap tindakan yang tidak sepatutnya berlaku kerana

adik beradik mesti tolong menolong dan berbaik-baik sesama sendiri. Jika berlaku pertengkaran atau perebutan, saudara yang lebih tua diharapkan untuk mengalah.

4.7 Hubungan dengan Saudara Mara

Daripada kajian yang dilakukan didapati anak-anak semenjak boleh bercakap telah diperkenalkan dengan mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan. Mereka juga diajar dan dibiasakan menggunakan istilah kekeluargaan meliputi istilah untuk merujuk dan istilah untuk menyapa. Anak sering ditanya tentang pangkat setiap orang saudara yang ditemui terutama apabila saudara datang berkunjung atau ketika mereka melawat saudara. Pernah juga saya melihat, ibu bapa mengemukakan soalan-soalan kepada anak-anak yang masih kecil tentang saudara mara melalui gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan keluarga. Anak-anak juga dibawa berkunjung ke rumah saudara mara terutamanya oleh ibu. Anak-anak yang telah bersekolah disuruh dan digalakkan bersendirian ke rumah saudara mara mereka terutama saudara yang tinggal berdekatan. Ini bertujuan membiasakan anak-anak dengan mereka yang mempunyai ikatan kekerabatan dan menyedarkan anak tentang kewajipan terhadap orang yang mempunyai ikatan keturunan. Anak-anak dibiasakan memberi

penghormatan dan menunjukkan sopan santun, dan berbuat baik kepada saudara yang menduduki pangkat yang lebih tinggi.

4.8 Peranan Datuk dan Nenek

Peranan datuk dan nenek biasanya hanya dapat dikesan dalam bentuk keluarga luas. Keluarga luas yang terdapat dalam kawasan kajian ialah keluarga luas yang terdiri daripada ibu atau bapa yang tidak lagi produktif dan sudah kematian suami/isteri, tinggal bersama anak yang telah berkahwin dan mempunyai anak dan keluarga luas yang dibentuk dengan kehadiran anak yang baru berkahwin dan masih belum memiliki kediaman sendiri. Di kawasan kajian, keanggotaan datuk dan nenek tidak hanya wujud dalam keluarga berbentuk luas malah bagi masyarakat yang mengamalkan bentuk kediaman seperkarangan (compound household), hubungan dengan datuk dan nenek adalah sama dengan keanggotaan dalam keluarga bentuk luas. Walaupun mereka tidak tinggal serumah tetapi mereka bertemu dan berinteraksi setiap hari. Dalam bentuk keluarga sebegini lebih ramai orang yang mempunyai hak dan kewajipan untuk menegur dan mengawasi anggota keluarga yang lain. Dalam proses pembudayaan masyarakat di sini, tugas mengawasi anak adalah menjadi urusan kolektif setiap orang yang mempunyai perhubungan kekeluargaan. Oleh itu setiap

penyimpangan standard dan inspirasi masyarakat cepat dikesan dan tidak mudah terlepas daripada teguran.

Datuk dan nenek dikatakan mempunyai nilai-nilai tradisi dan masih kuat berpegang kepada nilai-nilai tersebut dan mempunyai pengalaman hidup yang luas. Masyarakat tua dianggap sebagai tempat meminta nasihat dan tunjuk ajar dalam menjalani kehidupan sehari-hari berdasarkan pengalaman mereka.

"Pada merekalah tersimpannya hal-hal yang berhubungan dengan sejarah keturunan keluarga, pola-pola bentuk folklore atau tradisi lisan yang menjadi warisan masyarakat, peribahasa-peribahasa serta lain-lain keperihalan tradisi masyarakat itu."

(Abu Hassan Othman; 1971: 110)

Kehadiran datuk dan nenek dalam sesebuah keluarga menjadi simbol kesinambungan keturunan dan budaya. Bahkan mereka boleh dianggap sebagai muzium di mana tersimpannya segala keperihalan tradisi yang dipusakai oleh masyarakat tersebut (*ibid*: 111). Mereka mengetahui salasilah tentang keluarga dan seluruh penduduk kampung dan boleh menyusur galurkan dengan jelas dan terperinci. Apabila datuk dan nenek berbual dengan cucu-cucu mereka, sering saya mendengar mereka berbual mengenai keturunan mereka, petua-petua tentang berbagai

perkara dan bersedia pula menjawab sebarang soalan yang dikemukakan oleh cucu-cucu mereka.

Sebagai golongan yang biasanya dianggap oleh masyarakat Melayu Pulau Tuba sebagai masih kuat berpegang pada adat dan nilai-nilai tradisi, mereka sentiasa mengingatkan anggota keluarga supaya menjalankan upacara-upacara kekeluargaan untuk kebaikan dalam kehidupan anggota tersebut dan berterusan memastikan setiap nilai dipatuhi. Mereka juga memainkan peranan penting dalam upacara-upacara kekeluargaan seperti kelahiran anak, upacara bersunat, perkahwinan dan kematian. Di samping menunjuk ajar individu, mereka juga menjadi sumber utama untuk mendapatkan segala bentuk pengetahuan, pendapat, nasihat dan petua terutama ketika sesbuah keluarga menghadapi krisis hidup. Nilai-nilai tradisi yang masih kukuh dipegang oleh datuk dan nenek kadang kala bertentangan dengan nilai-nilai semasa yang diperolehi oleh cucu daripada ibu bapa mereka. Jurang generasi ini menyebabkan datuk dan nenek kadang kala bertindak memarahi generasi baru yang menganggap nilai-nilai lama sebagai remeh dan cuba mengambil mudah dengan membelakangkan nilai-nilai tersebut. Kegagalan generasi muda menerima nasihat dan teguran boleh menyebabkan datuk dan nenek berkecil hati (jauh hati). Oleh kerana itu

anak dan cucu kadang kala terpaksa mengikut cakap datuk dan nenek demi untuk menjaga hati.

Kehadiran datuk dan nenek dalam sesbuah keluarga dapat mengisi kekosongan pengetahuan dan emosi yang dialami oleh cucu. Datuk dan nenek seringkali dilihat sebagai sumber kemanjaan dan paling banyak manifestasi kasih sayang dikesan dalam perhubungan mereka dengan cucu-cucu. Walaupun kadang kala fenomena ini dilihat oleh orang luar sebagai satu bentuk persaingan untuk mendapat kasih sayang (ambil hati) daripada cucu, tetapi hakikatnya dalam proses pembudayaan peranan datuk dan nenek dilihat sebagai unsur pelengkap. Di samping berfungsi sebagai pengisi kepada lompong pengetahuan dan emosi, datuk dan nenek bertindak sebagai pengimbang; di samping dididik dan diasuh dengan tegas oleh ibu bapa, mereka juga mendapat kemanjaan dan kasih sayang. Datuk dan nenek seringkali merupakan tempat bermanja dan mendapat kasih sayang. Apa saja yang dikehendaki oleh cucu akan dituruti dan cuba dipenuhi oleh datuk dan nenek. Kebanyakan datuk dan nenek yang ditemui sanggup melakukan apa sahaja, iaitu memenuhi hampir semua permintaan cucu-cucu dalam usaha untuk memenuhi setiap kehendak cucu asalkan cucu tetap mesra dan mahu mendampingi mereka.

Contoh kes:

Saad, sanggup melakukan apa saja, iaitu cuba sedaya upaya memenuhi kehendak cucu-cucunya seperti untuk memiliki sesuatu barang atau makanan asalkan jangan kencing atas kepala semata-mata untuk mengelakkan hilang kasih sayang daripada cucu-cucunya. Menurut beliau, datuk dan nenek masih boleh bergurau dengan cucu-cucu kerana konsep tidak memberi muka dalam proses pembudayaan boleh diketepikan kerana cucu-cucunya masih ada ibu bapa yang boleh bertindak tegas dalam mendidik.

Walaupun kadang kala dalam sesebuah keluarga Melayu, seorang datuk atau nenek bertindak formal dan tegas ketika berinteraksi dengan anak-anaknya tetapi sebaliknya dengan cucu-cucu memperlihatkan hubungan yang penuh dengan kemesraan, tidak formal, lebih banyak bertolak ansur dan rela. Datuk dan nenek memperlihatkan sikap berlembut dan bertolak ansur dengan cucu-cucu. Jarang sekali dilihat datuk atau nenek memukul dan menghukum cucu walaupun cucu melakukan perlanggaran nilai dan norma keluarga. Sebaliknya, kemarahan ditunjukkan secara lisan dan ditegur dengan nada suara yang lembut, seperti "jangan buat macam tu chek oi..." Kadang kala ibu bapa yang mengenakan hukuman fizikal ke atas anak-anak akan ditegur atau dimarahi dan dalam keadaan begini datuk dan nenek bertindak sebagai penyabar, (biar pi lah... budak-budak).